

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 05 NOVEMBER 2019

MUKA SURAT: 30

Caj beg plastik diserahkan kepada PBT

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor akan melaksanakan kutipan caj 20 sen bagi penggunaan beg plastik melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) bermula 1 Januari tahun hadapan melibatkan pasar raya.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian berkata, sebelum ini kerajaan Selangor menyerahkan kutipan caj itu kepada pengurusan pasar raya namun langkah berkenaan dilihat tidak efisien.

Katanya, ini kerana ada di antara pasar raya dikenal pasti tidak melaku-

kan kutipan tersebut malah terdapat juga pihak yang gagal melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi pemeliharaan alam sekitar melalui caj berkenaan.

"Bermula tahun depan PBT di seluruh Selangor akan melaksanakan sendiri kutipan caj 20 sen bagi penggunaan beg plastik ini," katanya.

Loy Sian berkata, pihaknya akan membentangkan satu kertas kerja pada minggu hadapan berhubung agihan caj kutipan berkenaan dengan meletakkan satu klausa baharu di dalam semua lesen perniagaan PBT libat pasar raya.